

**UCAPAN  
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI  
SEMPENA HARI ASEAN  
DI TV MALAYSIA, KUALA LUMPUR  
8 OGOS 2007**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN,

SALAM SEJAHTERA

ESOK, 8 OGOS 2007, IALAH HARI ASEAN. SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA, ADALAH PENTING BAGI KITA MENYAMBUT HARI ASEAN SEBAGAIMANA KITA MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN NEGARA TIAP-TIAP TAHUN. INI ADALAH KERANA KITA SEMUA ADALAH WARGA ASEAN, WALAUPUN BUKAN DARI MAKSUD UNDANG-UNDANG TETAPI DARI SEGI SEMANGAT ASEAN YANG KITA HARUS PUPUK SETIAP MASA.

2. TEMA UNTUK MEMPERINGATI HARI ASEAN TAHUN INI IALAH "SATU ASEAN DI TENGAH-TENGAH ASIA YANG DINAMIK" ATAU DALAM BAHASA INGGERISNYA, "ONE ASEAN AT THE HEART OF DYNAMIC ASIA". TEMA INI AMAT TEPAT KERANA KITA KINI BERADA DI AMBANG PEROBAHAN ASEAN DARI SATU PERSATUAN YANG BERUPA SATU KELUARGA NEGARA-NEGARA BERJIRAN, KEPADA SATU KOMUNITI NEGARA-NEGARA SERANTAU YANG BERSEPAKAT. ASEAN SEMEMANGNYA BERSEDIA UNTUK MENGGERAKKAN PERANAN YANG LEBIH PENTING DALAM RANTAU ASIA, TERUTAMANYA DI KETIKA ASIA SEDANG MUNCUL SEBAGAI SALAH SATU RANTAU DI DUNIA YANG MENGALAMI PEMBANGUNAN EKONOMI YANG BEGITU PESAT SEKARANG.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

3, KEWUJUDAN ASEAN TELAH MEMBAWA MANFAAT YANG AMAT BESAR KEPADA MALAYSIA. SELAMA 40 TAHUN, ASEAN TELAH BERJAYA MENGEKALKAN SUASANA YANG STABIL DAN AMAN DI ASIA TENGGARA, YANG MEMBOLEHKAN MALAYSIA MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI SECARA PESAT. KITA TELAH JUGA BERPELUANG HIDUP SELESA DAN TIDAK MERASA TERGUGAT OLEH APA-APA ANCAMAN LUAR TERHADAP KEDAULATAN NEGARA.

4. NEGARA KITA TELAH BERJAYA MENCAPAI TAHAP PEMBANGUNAN YANG TINGGI BERBANDING DENGAN MASA DAHULU. DARI SEBUAH NEGARA PENGELUAR HASIL GETAH DAN BIJIH YANG TERBESAR DI DUNIA, MALAYSIA KINI ADALAH SALAH SATU PENGEKSORT UTAMA BARANG-BARANG PERKILANGAN DAN JUGA PERKHIDMATAN DI DUNIA. DARI EKONOMI YANG BERASASKAN PERTANIAN, SEKTOR PEMBUATAN KINI MERUPAKAN SATU PERTIGA DARI KELUARAN KASAR DALAM NEGERI [GDP]. DARI ZAMAN PERKILANGAN YANG MENGGUNAKAN TENAGA BURUH SECARA INTENSIF, KEKUATAN MALAYSIA KINI ZAHIR SEBAGAI PENGELUAR PRODUK YANG BERTERASKAN KEMAHIRAN DAN TEKNOLOGI TINGGI SERTA MODAL YANG BESAR.

5. SUASANA AMAN DI RANTAU INI TELAH BERJAYA MENARIK PELABURAN ASING BUKAN SAHAJA KE MALAYSIA, TETAPI JUGA KE NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN. HASILNYA, ASIA TENGGARA MENJADI SATU RANTAU YANG MAKMUR DAN

TEGUH, DAN SETERUSNYA MEMBOLEHKAN ASEAN MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM HAL-HAL SERANTAU.

6. SEHUBUNGAN ITU, MALAYSIA ADALAH AMAT KOMITED TERHADAP USAHA-USAHA UNTUK MENGUKUHKAN ASEAN SEBAGAI SATU PERTUBUHAN SERANTAU. MALAYSIA AKAN MEMBERI SOKONGAN PENUH SUPAYA KOMUNITI ASEAN DI TUBUHKAN MENJELANG TAHUN 2015, SEPERTI YANG DIJADUALKAN. ENTITI BARU YANG DIMAKSUDKAN IALAH SATU MASYARAKAT YANG TURUT BERKONGSI PERASAAN BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI SATU IDENTITI YANG SAMA DAN HALA-TUJU STRATEGIK YANG SERUPA, DI BAWAH NAUNGAN SATU PERTUBUHAN SERANTAU YANG LEBIH KUKUH, YANG DIKENALI SEBAGAI KOMUNITI ASEAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

7. UNTUK MEMASTIKAN SUPAYA RANCANGAN MENGUJUDKAN KOMUNITI ASEAN BERJALAN LANCAR, MALAYSIA MENYOKONG KUAT AGAR PIAGAM ASEAN, DALAM BAHASA INGGERISNYA, "ASEAN CHARTER", DAPAT DILULUSKAN DAN DITERIMA SECEPAT MUNGKIN. KITA BERPENDAPAT BAHAWA PIAGAM INI HARUS DILULUSKAN TANPA BERLENGAH-LENGAH LAGI KERANA DOKUMEN INI BOLEH MENGUKUHKAN PERPADUAN ASEAN DAN MEMANTAPKAN STRUKTURNYA SEBAGAI SATU PERTUBUHAN. IA JUGA AKAN MENJADIKAN HUBUNGAN DI ANTARA SEMUA NEGARA-NEGARA ANGGOTA LEBIH TERATUR KERANA MEREKA PERLU MEMATUHI PRINSIP-PRINSIP YANG TERKANDUNG DI DALAM PIAGAM ITU. PENDEK KATA, PENERIMAAN AWAL PIAGAM ASEAN AKAN MENYUMBANG UNTUK MEMPERKASAKAN LAGI ASEAN. INI AKAN MEMBOLEHKAN PROSES PEMBINAAN KOMUNITI ASEAN BERJALAN DENGAN LEBIH LANCAR LAGI.

8. PIAGAM ASEAN AKAN BERGUNA SEBAGAI ALAT UNTUK MENERAPKAN TIGA PRINSIP ASAS YANG PERLU MENJADI PANDUAN HIDUP BERSAMA SEBAGAI SATU KOMUNITI SEJATI. PERTAMANYA, SEMUA NEGARA ANGGOTA MESTI MENGELAK DARI MELAKUKAN APA JUA YANG MELANGGAR PERATURAN-PERATURAN KOMUNITI. KEDUANYA, SEMUA KEPUTUSAN KOMUNITI MESTI BOLEH DIKUATKUASAKAN. KETIGA, SEMUA WARGA KOMUNITI MESTI BERSEEDIA PATUH KEPADA NILAI-NILAI DAN NORMA-NORMA YANG DIANGGAP PENTING DEMI KESEJAHTERAAN KOMUNITI. DARI SEGI INI, SAYA YAKIN SETIAP NEGARA ANGGOTA ASEAN LAYAK DAN BERPOTENSI MENYUMBANG SECARA BERMAKNA TERHADAP PEMBINAAN SEBUAH KOMUNITI YANG SEJATI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

9. SEMENTARA KITA MENANTIKAN KEBANGKITAN KOMUNITI ASEAN YANG SEPENUHNYA MENJELANG 2015, KITA PERLU, BUAT MASA SEKARANG, MEMPERHEBATKAN LAGI KERJASAMA ASEAN DI SETIAP PERINGKAT DAN SEKTOR. PERTAMANYA, KITA PERLU MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PROGRAM-PROGRAM ASEAN YANG TELAH DIRANGKA UNTUK MERAPATKAN SEMUA WARGA ASEAN. KEDUANYA, SAYA INGIN MEMBERI PENEKANAN KEPADA AKTIVITI-AKTIVITI ASEAN YANG MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN. DALAM HAL INI, SAYA AMAT MENGGALAKKAN PROGRAM-PROGRAM DAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG BOLEH MENERATKAN PERHUBUNGAN DI KALANGAN GOLONGAN MUDA DI NEGARA-NEGARA ASEAN. INI MERUPAKAN SATU PELABURAN UNTUK MASA DEPAN, TERUTAMANYA KERANA STATISIK MENUNJUKKAN LEBIH SEPARUH DARI 542 JUTA PENDUDUK ASEAN ADALAH TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG LAHIR SELEPAS WUJUDNYA ASEAN PADA TAHUN 1967.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

10. TAHUN INI IALAH TAHUN KETIGA NEGARA-NEGARA ASEAN MENYAMBUT HARI ASEAN SECARA SERENTAK. KITA BERHARAP BAHAWA TRADISI INI AKAN BERTERUSAN SELAMA-LAMANYA. SAYA JUGA INGIN MENCADANGKAN AGAR NEGARA-NEGARA ASEAN BERSETUJU MENYELARASKAN BAGAIMANA SAMBUTAN HARI PENTING INI DI ANJURKAN DI SETIAP IBU KOTA NEGARA-NEGARA ASEAN PADA SETIAP TAHUN. SAYA PASTI BAHAWA SAMBUTAN YANG DI SELARASKAN DENGAN BAIK AKAN MEMBERI KESAN YANG LEBIH BESAR DALAM MEMBAWA MESEJ ASEAN KEPADA PENDUDUKNYA.

11. NEGARA-NEGARA ASEAN TELAH MENGAMBIL MASA 40 TAHUN UNTUK MENCAPAI TAHAP KERJASAMA SERANTAU SEPERTI YANG KITA KECAPI SEKARANG. MUNGKIN PENGASAS-PENGASAS ASEAN MENARUH HARAPAN YANG LEBIH BESAR TERHADAP KITA. MUNGKIN BENAR KEMAJUAN TIDAK BEGITU PESAT, TETAPI IA TETAP DICAPAI SECARA BERTERUSAN. SAYA INGIN NYATAKAN DI SINI BAHAWA PENDEKATAN SEBEGINILAH, IAITU DENGAN BERHATI-HATI MENGORAK LANGKAH DEMI LANGKAH, KITA TELAH BERJAYA MENCAPAI KEJAYAAN YANG KITA SAKSIKAN SEKARANG. SAYA PERCAYA KITA BOLEH MENGUKUR TAHAP KEMATANGAN KITA YANG SEBENAR APABILA KITA BERJAYA MENUBUHKAN KOMUNITI ASEAN PADA TAHUN 2015, IAITU KURANG 10 TAHUN DARI HARI INI.

12. OLEH YANG DEMIKIAN, SEMPENA HARI ASEAN TAHUN INI, SAYA INGIN MENYERU WARGA MALAYSIA UNTUK MENYERTAI AKTIVITI-AKTIVITI ASEAN, DAN BERSAMA-SAMA KITA BERUSAHA MEMBENTUK SATU KOMUNITI ASEAN. MATLAMATNYA IALAH SUPAYA KITA SEMUA DI ASIA TENGGARA INI BERADA DALAM SUASANA AMAN, HARMONI DAN HIDUP DALAM KEMAKMURAN.

13. SEKIAN, SAYA AKHIRI DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH DAN SELAMAT MALAM KEPADA SEMUA.

WABILAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.